



**SOALAN LAZIM BERKAITAN GARIS PANDUAN
PERMOHONAN KEMUDAHAN ALAT KOMUNIKASI
MUDAH ALIH (TELEFON BIMBIT) DAN CAJ BULANAN DI
KEMENTERIAN PERTAHANAN BAGI
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

SAP 60 2013

Minister of Defence

Defence (Communication)

SOALAN LAZIM BERKAITAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEMUDAHAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH (TELEFON BIMBIT) DAN CAJ BULANAN DI KEMENTERIAN PERTAHANAN BAGI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bersama Bahagian Kewangan, Kementerian Pertahanan Malaysia telah menyediakan soalan lazim berkaitan garis panduan permohonan kemudahan alat komunikasi mudah alih (telefon bimbit) dan caj bulanan bagi Angkatan Tentera Malaysia sebagai panduan kepada semua dalam memastikan permohonan dan kelulusan bagi kemudahan ini dapat dilaksanakan dengan teratur serta mematuhi prosedur kewangan yang berkuat kuasa.

18 Oktober 2021

SOALAN LAZIM BERKAITAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEMUDAHAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH (TELEFON BIMBIT) DAN CAJ BULANAN DI KEMENTERIAN PERTAHANAN BAGI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

3

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah permohonan dari ATM bagi kemudahan ini boleh diproses oleh BPSM hanya dengan berpandukan kepada Surat Arahan Kementerian Pertahanan (SAK) Bilangan 3 Tahun 2013 atau Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) atau kedua-duanya sekali memandangkan terdapat beberapa percanggahan di antara dua punca kuasa ini.	SAK Bil.3/2013 yang sedang berkuatkuasa adalah merupakan garis panduan muktamad bagi sebarang pertimbangan kelulusan di Kementerian Pertahanan manakala PMAT hanya boleh digunakan sebagai rujukan bagi pegawai ATM.
2.	Adakah pegawai di bawah perkara 5.1 sehingga 5.5 SAK Bil.3/2013 tidak tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal?	<p>Merujuk kepada SAK Bil.3/2013, pegawai di bawah perkara 5.1 hingga 5.5 juga perlu mengemukakan permohonan kelulusan kepada Pegawai Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal. Kelayakan adalah berdasarkan kepada perkara 5.1 sehingga 5.5 SAK Bil.3/2013 tersebut mengikut gred jawatan/pangkat pegawai.</p> <p>Kemudahan bagi pegawai ATM yang tidak tersenarai di bawah perkara 5.1 sehingga 5.5 adalah tertakluk kepada perkara 5.6(i) SAK Bil.3/2013.</p> <p>Perkara 5.6(ii) di dalam SAK Bil.3/2013 hanya bagi pegawai awam yang layak dan tidak termasuk pegawai ATM.</p>
3.	Adakah kemudahan ini terpakai kepada pegawai ATM yang bertugas di luar negara sebagai Penasihat Pertahanan?	Pegawai ATM yang bertugas di luar negara adalah tertakluk di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 2013 - Dasar & Khidmat Peraturan Luar Negeri (JPA).
4.	Adakah pegawai ATM yang menjawat jawatan sebagai Ketua bagi unit di bawah implementasi	Layak sekiranya jawatan/pangkat pegawai ATM disenaraikan di bawah perkara 5.1 sehingga 5.6(i) SAK Bil.3/2013 sahaja.

SOALAN LAZIM BERKAITAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEMUDAHAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH (TELEFON BIMBIT) DAN CAJ BULANAN DI KEMENTERIAN PERTAHANAN BAGI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	<p>(unit gantung) boleh menuntut kemudahan ini?</p> <p>Unit di bawah implementasi (unit gantung) adalah unit yang diletakkan dalam kategori unit tidak aktif. Keanggotaan dan perjawatan unit tersebut dipindahkan ke unit/pasukan lain sedia ada atau yang diwujudkan baru secara ad-hoc untuk penugasan semasa.</p>	<p>Tidak layak sekiranya pegawai ATM ingin membuat tuntutan di bawah perkara 5.6(ii) SAK Bil.3/2013.</p>
5.	<p>Adakah pegawai ATM yang sedang menjalani perkara 16 SAK Bil.3/2013 iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji); ii. Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji); iii. Cuti Belajar Bergaji Penuh iv. Cuti Rehat melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am; v. Kombinasi mana-mana jenis cuti yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja; dan vi. Latihan peralihan bagi anggota tentera <p>boleh menuntut kemudahan pembelian alat komunikasi mudah alih (telefon bimbit) dan caj bulanan alat komunikasi mudah alih?</p>	<p>Pegawai ATM berkenaan seperti di perkara 16(i) hingga (vi) SAK Bil.3/2013 adalah tidak layak menuntut kemudahan pembelian alat komunikasi mudah alih (telefon bimbit) dan caj bulanan alat komunikasi mudah alih.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
6.	Adakah Penasihat Ketenteraan ATM termasuk di dalam tafsiran pegawai di Pejabat Anggota Pentadbiran?	Penasihat Ketenteraan ATM tidak dinyatakan dalam tafsiran SAK Bil.3/2013 sebagai pegawai di Pejabat Anggota Pentadbiran.
7.	Adakah Penasihat Ketenteraan ATM layak menuntut kemudahan ini di bawah perkara 5.1 sehingga 5.6 (i dan ii) SAK Bil.3/2013 atau boleh dipertimbangkan di bawah perkara 12 dan 13 SAK Bil.3/2013?	<p>Sekiranya pegawai tersebut disenaraikan di bawah perkara 5.1 sehingga 5.6(i) SAK Bil.3/2013, layak dipertimbangkan untuk kemudahan pembelian alat komunikasi.</p> <p>Bagi tuntutan caj bulanan, berdasarkan perkara 9 SAK Bil.3/2013, pegawai juga layak dipertimbangkan sekiranya pegawai tersebut disenaraikan di bawah perkara 5.1 sehingga 5.6(i) SAK Bil.3/2013. Walau bagaimanapun, sekiranya tidak tersenarai, hanya tuntutan caj bulanan sahaja yang boleh dipertimbangkan di bawah perkara 12 dan 13 SAK Bil.3/2013.</p>
8.	Adakah pegawai ATM yang ditumpangkan tetap ke pasukan lain boleh menuntut kemudahan ini?	<p>Layak sekiranya jawatan/pangkat pegawai ATM disenaraikan di bawah perkara 5.1 sehingga 5.6(i) SAK Bil.3/2013 sahaja.</p> <p>Tidak layak sekiranya ingin membuat tuntutan di bawah perkara 5.6(ii) SAK Bil.3/2013.</p>
9.	Adakah pegawai ATM yang mengisi perjawatan (Latihan, Peralihan dan Kontinjensi) LPK layak menuntut kemudahan ini?	Tidak layak.
10.	Adakah pegawai ATM yang memohon untuk membeli alat komunikasi mudah alih yang dibekalkan oleh Jabatan, boleh terus menuntut kemudahan di bawah SAK Bil.3/2013 ini?	Merujuk kepada perkara 5 hingga 8 SAK Bil.3/2013, pegawai ATM dibenarkan membuat tuntutan pembelian alat komunikasi selagi tuntutan pembelian alat komunikasi tidak kurang 2 tahun mulai dari tarikh kelulusan sebelumnya yang diberikan (berdasarkan catatan dalam

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		Buku Kenyataan Perkhidmatan pegawai / disiarkan dalam PERBAH II Pasukan).
11.	Adakah pegawai ATM berpangkat Lt Kol yang memegang jawatan sebagai Pegawai Staf 1 (Ketua Unit/ Sel) layak menuntut kemudahan ini?	<p>Tidak layak kerana kelayakan hanya bagi pegawai yang disenaraikan di bawah perkara 5.1 sehingga 5.6(i) SAK Bil.3/2013.</p> <p>Tidak layak sekiranya ingin membuat tuntutan di bawah perkara 5.6(ii) SAK Bil.3/2013.</p>
12.	Adakah permohonan dari pasukan ATM yang tidak mengemaskini Fed (M) namun melampirkan perjawatan di dalam B60 boleh dipertimbangkan?	Tidak boleh dipertimbangkan kerana Fed (M) perlu disediakan untuk memastikan perjawatan sebelum sesuatu permohonan dapat dipertimbangkan.
13.	Berdasarkan tafsiran 'ibu pejabat' di dalam SAK Bil.3/2013, berapakah lingkungan sekitar Wisma Pertahanan yang diliputi?	Ibu Pejabat adalah semua Bahagian/ Jabatan/ Cawangan yang terletak di dalam kawasan berpagar Wisma Pertahanan sahaja.
14.	<p>Bagi perkara 5.6(i) SAK Bil.3/2013, pegawai ATM berpangkat Kolonel yang berjawatan Ketua selain dari nama Bahagian/ Cawangan seperti Jabatan/ Markas/ Sel boleh dipertimbangkan untuk kemudahan ini?</p> <p>(Terdapat Jabatan/ Markas/ Sel yang mempunyai bilangan perjawatan yang sama dengan Bahagian/ Cawangan)</p>	Boleh dipertimbangkan bagi pegawai ATM berpangkat Kolonel setaraf yang berjawatan sebagai Ketua Bahagian/ Cawangan/ Jabatan/ Markas/ Sel di peringkat Ibu Pejabat sahaja.